

CNS9042

R GB 09-09 00178 BA887

bah

PENGHAPUSAN IKLAN BAHASA INGGERIS PERLU PERTIMBANGAN RASIONAL: MAHATHIR Mahathir - Inggeris

KUALA LUMPUR, 9 Sept (Bernama) -- Cadangan penghapusan iklan bahasa Inggeris di negara ini harus dipertimbangkan secara rasional, bukan berdasarkan emosi dan tergepoh-gepoh, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Beliau berkata, penghapusan penggunaan bahasa Inggeris harus disesuaikan dengan keadaan dan tempat kerana bahasa itu masih merupakan alat perhubungan penting terutamanya dalam urusan yang membabitkan negara asing.

+Kalau semua orang sudah faham bahasa kebangsaan, iklan dalam bahasa Inggeris mungkin tidak perlu tetapi dalam keadaan tertentu apabila kita nak tumpukan kepada orang bukan Malaysia umpamanya, kita mungkin masih perlu kepada bahasa Inggeris,+ katanya kepada pemberita selepas majlis perhimpunan sambutan Maulidur Rasul peringkat kebangsaan di Dataran Merdeka di sini.

Beliau diminta mengulas cadangan penghapusan iklan bahasa Inggeris di radio dan televisyen yang diutarakan oleh sorang tokoh budaya Puan Azah Aziz, yang berpendapat media tersebut tidak perlu lagi menyiarkan iklan dan mengadakan rangkaian khusus dalam bahasa Inggeris kerana ia tidak mencerminkan identiti negara. -- Lagi

▼09/09/13-20MST

CNS9043

R GB 09-09 00152 BA888

bah

Mahathir - Inggeris 2 Kuala Lumpur

Perdana Menteri tidak mahu masyarakat di negara ini menjadi terlalu fanatik dengan semangat kebangsaan sehingga tidak mahu langsung menggunakan bahasa Inggeris.

Cadangan penghapusan iklan dalam bahasa Inggeris kini nampaknya sudah dikaitkan dengan urusan-urusan lain pula seperti menteri tak boleh bercakap dalam bahasa Inggeris dan surat khabar tidak boleh dalam bahasa Inggeris, katanya.

+Jika menteri tidak boleh bercakap dalam bahasa Inggeris umpamanya, dalam bahasa apakah beliau harus bercakap untuk menarik pelaburan asing ke negara ini,+ katanya.

Penggunaan bahasa Inggeris, kata beliau, tidak akan menjejaskan semangat kebangsaan masyarakat negara ini.

+Saya anggap diri saya sebagai nasionalis...bukan dengan saya bercakap Inggeris kadang-kadang itu, saya tidak menjadi nasionalis,+ kata beliau.

Dr Mahathir berkata, sewaktu beliau di Indonesia baru-baru ini, beliau mendapati penggunaan bahasa Inggeris di negara itu sekarang adalah lebih meluas dari masa dahulu. -- Lagi

▼09/09/13-20MST

CNS9044

R GB 09-09 00113 BA889

bah

Mahanthir - Inggeris 3 (Akhir) Kuala Lumpur

+Saya sendiri ditemuramah dalam bahasa Inggeris sedangkan saya boleh bercakap bahasa mereka.

+Jadi kita mesti ada rasional, pemikiran kita mesti rasional, tidak terbawa-bawa dengan perasaan dan sentiasa ingat tentang kepentingan kita. Apakah kita hanya menganggap bahawa kemajuan bahasa merupakan kemajuan keseluruhannya sedangkan kita tidak maju dalam bidang-bidang lain,+ katanya.

Perdana Menteri berkata Malaysia mahukan 100 peratus kemajuan dalam semua bidang, dan jika penguasaan bahasa lain perlu untuk kemajuan, ia akan menjadi satu kemestian bagi masyarakat negara ini.

Kebolehan menggunakan bahasa Inggeris menjadi satu kelebihan yang besar terutama ketika menghadiri mesyuarat antarabangsa, katanya. -- Bernama

▼09/09/13-21MST